

24 JUL 2002

Nordin-Pendidikan/I

MTEN KEMUKA 13 PERKARA BAGI MENGUBAH SISTEM PENDIDIKAN

PETALING JAYA, 24 Julai (Bernama) -- "National Brains Trust", kumpulan cerdik pandai dalam sistem pendidikan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mengemukakan 13 campur tangan strategik kepada kerajaan yang difikirkan wajar dilaksanakan bagi mewujudkan tenaga kerja yang lebih dinamik.

Pengerusi pemegang amanah kumpulan itu Tan Sri Dr Nordin Sopiee berkata 13 perkara campur tangan itu terkandung dalam satu laporan yang dikemukakan kepada MTEN baru-baru ini dan kini sedang menunggu penelitian kabinet.

"Laporan itu termasuk cadangan perubahan sistem pendidikan sedia ada kepada sistem yang lebih baik bagi memastikan Malaysia menghasilkan tenaga kerja yang berkemampuan bagi memenuhi kehendak negara pada masa depan serta berhadapan dengan cabaran globalisasi dan liberalisasi," katanya kepada pemberita.

Dr Nordin berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Pendidikan kebangsaan bertema Kecemerlangan Pendidikan dalam Ekonomi Pengetahuan Global yang Kompetitif, di sini hari ini.

National Brains Trust yang ditubuhkan kira-kira dua bulan lepas dan dianggotai 68 anggota daripada industri pendidikan, mengadakan 23 mesyuarat bagi menyediakan laporan itu.

Dr Nordin yang juga ketua pegawai eksekutif Institut Kajian strategik dan Antarabangsa (ISIS) berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengetuai MTEN telah melihat laporan itu yang disediakan dengan bantuan Kementerian pendidikan.

"Semua campur tangan dalam laporan itu akan mempunyai kesan pemangkin dalam mengubah sistem pendidikan sekarang kepada sistem yang boleh mewujudkan tenaga kerja berkelas dunia...ia boleh dilaksanakan tetapi agak sukar kerana ia membabitkan perubahan asas kepada sistem pendidikan," katanya.

Beliau berkata secara asasnya laporan itu mahu mengubah idea keseluruhan mengenai peperiksaan dalam sistem pendidikan dengan tekanan kepada aplikasi pengetahuan daripada belajar mengenai fakta.

Katanya Malaysia bersungguh-sungguh mahu keluar daripada Dunia Ketiga kepada Dunia Pertama tetapi "malangnya lonjakan daripada negara membangun Dunia Ketiga kepada negara Dunia Pertama tidak dapat dicapai kecuali standard baru ditetapkan dan keputusan baru membabitkan pendidikan dihasilkan."

"Negara Dunia Pertama tidak boleh dibangunkan dan tidak dapat dimajukan oleh tenaga kerja Dunia Ketiga walau sejauhmana pun cemerlangnya tenaga kerja Dunia Ketiga. Jika kita mahu membuat lonjakan besar kepada tenaga kerja Dunia Pertama, terdapat sekurang-kurangnya tujuh perkara yang kita perlu lakukan dahulu," kata Dr Nordin.

Katanya mula-mula kerajaan perlu menjadikan pembangunan sumber manusia dan pendidikan sebagai keutamaan dalam tempoh dua dekad yang akan datang.

"Kedua, tenaga kerja mesti mahir bahasa Inggeris," katanya.

Kita mesti cuba memastikan bahawa dalam masa 10 hingga 15 tahun akan datang, 20 peratus daripada tenaga kerja kita fasih bertutur dalam bahasa Inggeris dan dalam masa yang sama majoriti penduduknya cekap berbahasa Inggeris," kata Dr Nordin.

Beliau juga mahu kerajaan memastikan pelaburan yang mencukupi untuk sekolah di negara ini, terutama dalam tahun-tahun asas kritikal di sekolah rendah.

Menurutnya pada masa ini negara membelanjakan 20 peratus atau lebih ke atas setiap pelajar universiti berbanding purata negara Dunia Pertama. Tetapi negara maju Dunia Pertama membelanjakan 4.6 kali lebih banyak ke atas pelajar sekolah rendah berbanding apa yang dilakukan oleh Malaysia.

"Keempat, kita mesti memastikan perubahan kurikulum dengan meringankan kurikulum sekolah yang berat sekarang dan memberi tumpuan kepada empat "Rs" -- Membawa, Menulis, Mengira dan berfikir," katanya.

Kelima, Dr Nordin berkata perubahan dalam sistem peperiksaan sekarang perlu dilakukan dengan tidak memberi tumpuan kepada menguji penguasaan kandungan tetapi pembangunan kemahiran dan kecekapan.

"Keenam, kita mesti memastikan perubahan pedagogi (amalan pendidikan) sedia di tempatnya. Kita mesti mengurangkan perhatian kepada fakta lapuk tetapi memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir. Sekolah mesti tidak bermaksud kesengsaraan. Belajar mesti dalam keadaan seronok. Guru mesti pemudah cara-pendidik, bukan pemudah cara-memanjakan murid," katanya.

Akhirnya, beliau berkata kerajaan mesti memastikan lonjakan dalam pendidikan tinggi dengan mewujudkan pusat kecemerlangan ilmu yang benar-benar padu.

-- BERNAMA  
SR AKT LAT